



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

WASPADA ANCAMAN HEDONISME

Tarikh Dibaca:

**17 SYAABAN 1444H/
10 MAC 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذِينَ كَمَا جَوَارِ إِسْلَامِ مَلِيسَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

WASPADA ANCAMAN HEDONISME

10 MAC 2023 / 17 SYAABAN 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ وَمَنْ يَتَّبِعْ خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ

بِالْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ مَا زَكَا مِنْكُمْ مِّنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَكِنَّ

اللَّهُ يُزَكِّي مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ۝۱۱

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita tidak mendapat manfaat daripadanya kerana masih terleka dengan urusan dunia.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Waspada Ancaman Hedonisme”**.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Lebih kurang 12 hari sahaja lagi kita akan memasuki Bulan Ramadhan al-Mubarak. Maka marilah kita gigih meningkatkan amal ibadah dan sentiasa bertaubat memohon keampunan dari Allah SWT. Mudah-mudahan kita semua termasuk dalam kalangan hamba-Nya yang diredhai dan diberkati.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam merupakan ajaran yang sesuai dengan fitrah dan sangat menjaga keseluruhan peraturan dan kemaslahatan hidup manusia. Islam tidak menghalang umatnya untuk menghiburkan diri asal sahaja bentuk hiburan itu masih selari dengan nilai-nilai Islam. Salah satu bentuk pemikiran yang boleh menggugat akidah dan jati diri masyarakat hari ini ialah fahaman hedonisme. Hedonisme merupakan satu bentuk pemikiran yang berpandangan bahawa memaksimumkan keseronokan merupakan perkara terbaik dan paling dihormati dalam kehidupan di dunia. Penyebaran budaya hedonisme ini merupakan salah satu ancaman terbesar yang mempengaruhi pola perubahan dan menyebabkan kerosakan terutamanya golongan muda. Menurut Kamus Dewan, hedonisme ialah pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. Budaya ini juga merujuk kepada gaya hidup yang mengejar keseronokan hidup tanpa mengira batas-batas moral dan larangan agama.

Hakikat ini benar kerana kita sendiri boleh melihat kepada gaya hidup masyarakat hari ini yang terlalu sibuk mengejar kemewahan dan keseronokan hidup hingga mengeneipkan hukum dan nilai-nilai Islam.

Syeikh Muhammad al-Ghazali telah menggariskan salah satu daripada 10 cara syaitan memasuki pintu hati manusia ialah menerusi pintu marah dan syahwat. Oleh sebab golongan muda - terutamanya remaja - yang sedang dalam fasa mencari identiti dan jati diri, maka mereka seringkali menjadi sasaran ancaman budaya songsang dan mudah menyerap jika tidak dibentengi dengan asas keimanan sejak dari awal.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Budaya hedonisme yang meresap masuk, datang dalam pelbagai bentuk dan corak. Antara cabang seni hiburan yang menjadi keseronokan umat pada hari ini ialah filem, nyanyian, muzik dan tarian. Cabang-cabang ini berperanan besar dalam mempengaruhi minda dan gaya hidup masyarakat jika tidak dikawal dan dibendung dengan sebaiknya. Hiburan yang melampau tanpa batasan ini akan mendatangkan kesan negatif terhadap pembentukan peribadi dan minda terutamanya golongan remaja. Hiburan sebegini menjadikan masyarakat lalai serta alpa kepada tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Sebenarnya, Rasulullah SAW telah lama mengingatkan tentang kondisi umat akhir zaman yang terlalu mengikut jejak langkah dan gaya budaya orang-orang Yahudi dan Nasrani. Diriwayatkan daripada Abi Sa'id RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَتَتَّبِعَنَّ سَنَنَ مَنْ قَبْلَكُمْ شِبْرًا بِشِيرٍ وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ، حَتَّىٰ لَوْ سَلَكَوْا جُحْرَ ضَبٍّ لَسَلَكَتُمُوهُ.
قُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ؟ قَالَ: فَمَنْ.

Maksudnya: “Kamu akan mengikuti kebiasaan orang-orang sebelum kamu sejengkal demi sejengkal dan sehasta demi sehasta, hingga seandainya mereka menempuh (masuk) ke dalam lubang biawak kamu pasti akan mengikutinya. Kami bertanya: Wahai Rasulullah! (apakah yang baginda maksud) orang-orang Yahudi dan Nasrani? Baginda menjawab: Siapa lagi (kalau bukan mereka)”. (Sahih al-Bukhari)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hedonisme yang meracuni umat Islam pada hari ini menyebabkan pelbagai masalah dan isu sosial dan tanpa disedari ia merupakan senjata halus pihak tertentu untuk menghancurkan umat Islam secara terancang yang menggunakan slogan kebebasan, keseronokan dan kegembiraan. Mereka juga mengelirukan masyarakat dengan ungkapan “hidup hanya sekali” sedangkan hakikatnya kehidupan dunia inilah medan ujian yang nanti akan menjadi penentu kebahagiaan dan keselamatan manusia di akhirat kelak.

Kebelakangan ini, terlalu banyak isu yang menyangkut soal akidah, ketuhanan, dan akhlak umat Islam yang berlegar di media-media sosial. Penghasilan kandungan atau karya yang

terlalu bebas tanpa kawalan dan panduan agama boleh mengundang kesesatan dan kerancuan¹ akidah umat Islam. Kebebasan bersuara tidak boleh didorong dengan keghairahan berkarya yang sembrono hingga melanggar batas-batas dan sempadan iman dan kufur yang telah seringkali diperingkatkan sama ada dalam al-Quran mahupun hadis-hadis Rasulullah SAW. Justeru, kita mesti berhati-hati dalam setiap tindakan dan ucapan supaya kita tidak melanggar batas sempadan kekufuran yang menjerumuskan kita ke lembah penyesalan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Setiap penyakit itu ada ubatnya manakala setiap permasalahan yang datang itu hendaklah dicari jalan penyelesaiannya. Hedonisme itu bersumberkan ideologi yang dicipta oleh manusia, maka jalan menghalang kesesatan itu ialah melalui pendidikan. Pendidikan Islam memainkan peranan yang penting bagi menghadapi mehnah dan tribulasi hedonisme. Pendidikan Islam mampu membentuk nilai dan budaya baik dalam menanam asas iman dan membina peribadi seterusnya membentuk manusia yang kenal akan Pencipta.

Tegasnya, perlu adanya kesepaduan ilmu yang menyeluruh dan seimbang antara pendidikan Islam iaitu merangkumi ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah khususnya penerapan elemen kerohanian bagi mengisi kekosongan jiwa golongan muda yang mekar dengan keseronokan, kesenangan dan kemewahan yang melalaikan. Namun sistem ini tidak akan memberi kesan yang positif sekiranya semua pihak tidak memainkan peranan masing-masing. Oleh itu keazaman yang tinggi, semangat yang tidak luntur dan tindakan yang positif dalam menimba ilmu pendidikan Islam diharap akan memberi kesedaran kepada remaja untuk melaksanakan tugas sebagai hamba Allah SWT dan khalifah-Nya di muka bumi ini

Kita juga perlu bijak memilih hiburan yang sesuai dan dibenarkan oleh syara'. Pemilihan kawan juga memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan baik-buruk tindakan dan pemilihan keputusan hidup. Allah SWT mengingatkan melalui Surah ali Imran ayat 118:

¹ keadaan rancu (tidak teratur dsb), kekacauan. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا بِطَانَةَ مِّن دُونِكُمْ لَا يَأْلُونَكُمْ خَبَالًا وَدُّوا مَا عَنِتُّمْ قَدْ بَدَتِ
 الْبَغْضَاءُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ وَمَا تُخْفِي صُدُورُهُمْ أَكْبَرُ قَدْ بَيَّنَّا لَكُمُ الْآيَاتِ إِن كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ ١١٨

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang yang bukan dari kalangan kamu menjadi "orang dalam" (yang dipercayai). Mereka tidak akan berhenti-henti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Telah pun nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyimpulkan khutbah kepada beberapa rumusan;

Pertama: Islam tidak menghalang umatnya untuk menghiburkan diri asal sahaja bentuk hiburan itu masih selari dengan nilai-nilai Islam.

Kedua: Hedonisme yang meracuni umat Islam pada hari ini menyebabkan pelbagai masalah dan isu sosial dan tanpa disedari ia merupakan senjata halus pihak tertentu untuk menghancurkan umat Islam secara terancang.

Ketiga: Pendidikan Islam memainkan peranan yang penting dalam menanam asas iman, membentuk nilai dan budaya baik dalam membina peribadi bagi menghadapi mehnah dan tribulasi hedonisme seterusnya membentuk manusia yang kenal akan Pencipta.

Firman Allah SWT:

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَذَكَرَ بِهِ ءَأَن تُبَسَّلَ نَفْسٌ بِمَا
 كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِن تَعْدِلْ كُلُّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذُ مِنْهَا ؕ أُولَئِكَ
 الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّن حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ٧٠

Maksudnya: “Dan jauhkanlah diri dari orang-orang yang menjadikan agama mereka sebagai permainan dan hiburan, dan mereka pula telah diperdayakan oleh kehidupan dunia dan peringatkanlah (mereka) dengan al-Quran itu supaya tiap-tiap diri (di akhirat kelak) tidak terjerumus (ke dalam azab neraka) dengan sebab apa yang dia telah usahakan (dari perbuatan yang buruk dan keji). Tidak ada baginya pelindung dan tidak juga pemberi syafaat yang lain dari Allah. Dan jika dia hendak menebus (dirinya) dengan segala jenis tebusan, (nescaya tebusan itu) tidak akan diterima daripadanya. Mereka itulah orang-orang yang dijerumuskan (ke dalam azab neraka) dengan sebab apa yang telah mereka usahakan. Bagi mereka disediakan minuman dari air panas yang menggelegak, dan azab seksa yang tidak terperi sakitnya, disebabkan mereka kufur ingkar (semasa hidupnya)”. (Surah al-An’am ayat 70)

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعْنِيْ وَايَاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،
 وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تَلَاوْتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا
مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُكُو
حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ
إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَه وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.